Sehubungan dengan itu, Day & Harris (2002) menyatakan sekolah-sekolah yang berjaya telah membuktikan mereka komited kepada usaha menambahbaik sekolah dan bersedia untuk merubah amalan sedia ada. Perubahan amalan sedia ada ini ialah berkaitan dengan kerja-kerja pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam bilik darjah. Semua guru harus disedarkan bahawa kerja mereka bukan hanya semata-mata mengajar di bilik darjah malah lebih daripada itu kerana tanggungjawab mereka merangkumi usaha yang menyeluruh iaitu mentadbir, merancang, menggubal dasar, memantau, membuat penyelidikan dan penilaian tentang pendidikan (Aziah Ismail, L. Hoi Yen, & K. Abdul Ghani, 2015). Situasi inilah merupakan asas kepada sekolah sebagai *Professional Learning Community (PLC)*, iaitu untuk memastikan semua guru melaksanakan *PLC* bertujuan meningkatkan kualiti dan amalan pengajaran dan pembelajaran guru serta mengatasi segala kelemahan dan kekurangan mereka dengan mengamalkan perkongsian personal dan pembelajaran kolaboratif bagi memastikan guru-guru menjiwai tanggungjawab membantu murid menguasai pembelajaran mereka.

Ini dibuktikan dengan penekanan *Professional Learning Community (PLC)* yang diperjuangkan oleh Buck (2008), Ricken (2011), Burnes (2014) dan pengamal akademik yang lain untuk memastikan semua murid memperoleh pengetahuan, kemahiran dan perwatakan yang cemerlang agar berjaya pada masa hadapan. Mereka





sependapat bahawa sekolah yang mempunyai budaya dan berfungsi meningkatkan keberkesanan *Professional Learning Community* (PLC) mempunyai guru-guru yang percaya matlamat asas sekolah untuk memastikan semua murid belajar pada tahap yang tinggi. Pengasingan guru akan dapat dikurangkan dan kapasiti, kompetensi dan keupayaan guru dapat dipertingkatkan (Chong Chee Keong, Muhammad Faizal A. Ghani & Zuraidah Abdullah, 2018).

Sehubungan dengan itu, untuk membawa perubahan ke dalam sekolah, Fullan (1993) telah mencadangkan agar perubahan dilakukan mengikut tiga tahap. Tiga tahap perubahan ini ialah tahap permulaan (inisiatif), tahap pelaksanaan (implementation) dan tahap pengamalan (institutionalization). Beliau juga menyatakan perubahan adalah proses pembelajaran idea-idea dan perkara baharu. Oleh itu, matlamat asas penambahbaikan sekolah adalah untuk menambahbaik pembelajaran murid, iaitu yang menunjukkan bahawa kualiti pengajaran ialah kunci yang menentukan pembelajaran murid (Day & Harris, 2002).

Walau bagaimanapun, untuk membangunkan *Professional Learning Community* (PLC) bukanlah sesuatu yang mudah. Guru perlu mengubah stigma murid dan masyarakat bahawa fokus pembelajaran bukan semata-mata melahirkan pelajar 'A' yang tinggi terhadap guru dan pentadbir sekolah. Masalah guru yang kurang akuntabiliti, masalah untuk memastikan kemenjadian murid sebagai warganegara unggul, pengasingan guru dan burn out (Zuraidah Abdullah, 2012) kekurangan fokus dan guru yang suka bekerja secara bersendirian (French, 2013) menjadi sukar.



Berdasarkan kajian-kajian tentang pelaksanaan *PLC* di Malaysia, membuktikan pengetua yang memupuk amalan-amalan *Professional Learning Community (PLC)* dalam kalangan warga guru di sekolah didapati dapat meningkatkan mutu pengajaran guru-guru bagi membantu menambahbaik pembelajaran dan pencapaian akademik murid (Paletta, 2019, Yin, H., Zheng, Valckx 2019). Peningkatan keprofesionalisme guru-guru di sekolah ini ialah melalui pembelajaran guru secara berterusan. Pembelajaran guru-guru ini dijalankan secara berpusat, seragam (standardized) dan dilaksanakan secara preskriptif dan pelataan (cascading). Bentuk pembelajaran sama ada secara berdialog, bersoal jawab, mengkaji atau berkongsi amalan-amalan pengajaran seharian. Di samping itu, guru-guru juga dapat bekerjasama secara lebih kolaboratif untuk mencari penyelesaian bagi membantu menambah baik pembelajaran dan pencapaian murid yang akhirnya meningkatkan keberkesanan dan penambahbaikan sekolah (Day & Harris, 2002; Gillespie & Chapman, 2006; DuFour & Marzano, 2009, Harris, 2013, dan Chong, Muhammad Faizal, & Zuraidah Abdullah, 2016).

Hasil daripada kajian lalu, dipercayai keberkesanan amalan *Professional Learning Community (PLC)* ini ditonjolkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk meningkatkan profesionalisme guru secara berterusan. Peningkatan kualiti guru telah menjadi agenda penting dalam mentransformasi pendidikan negara; dan kementerian terus beriltizam mengekalkan dasar sedia ada, iaitu mengukuhkan profesion keguruan di Malaysia bagi menjadikannya lebih menarik, mendatangkan kepuasan dan lebih berprestij (Vijayadevar, S., Thornton, K., & Cherrington, S. 2019). Gelombang 1 PPPM 2013-2025 telah memberi sokongan kepada guru meningkatkan kualiti melalui program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) dan usaha memantapkan kualiti guru diteruskan dalam Gelombang 2 dan



Gelombang 3 PPPM 2013-2025. Bagi merealisasikan hasrat ini, KPM telah mengoptimumkan pelaksanaan PPB bagi memberi impak kepada peningkatan kualiti guru. *PLC* adalah salah satu agenda tersebut dan aspek paling utama dalam mewujudkan perubahan dalam bilik darjah secara lebih berkesan. Oleh itu, konsep *Professional Learning Community* perlu dilaksanakan di organisasi masing-masing terutama organisasi pendidikan sebagai salah satu pendekatan in-situ.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB). Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM 2014) menetapkan matlamat untuk meningkatkan kualiti guru dan meningkatkan pembelajaran berasaskan sekolah dan sokongan kepada guru dalam menghasilkan rancangan pengajaran yang berkualiti dan berkesan. Malangnya hasil Laporan Jemaah Nazir (2016) ke atas 12,045 orang guru yang telah diselia mendapati hanya 12% guru mengajar pada tahap baik dan cemerlang, 31% tahap memuaskan, 52% tahap harapan dan 5% berada pada tahap yang lemah. Hasil daripada penyeliaan tersebut didapati guru-guru kurang menggunakan kaedah pengajaran terkini dan kurang menggunakan ICT. Hasil daripada kajian Amin Senin, (2008) membuktikan guru-guru kerap menggunakan pengajaran tradisional antaranya guru-guru yang lebih senior. Ini menunjukkan bahawa guru-guru amat memerlukan pembangunan profesionalisme guru bagi menambah pengetahuan tentang pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang berkesan untuk meningkatkan kompetensi mereka. *Professional Learning Community (PLC)* adalah langkah terbaik untuk pembangunan



profesionalisme guru secara berterusan. Namun begitu didapati *PLC* masih belum sepenuhnya diamalkan di setiap sekolah yang terdapat di Malaysia.

Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT, 2016) mendapati hanya 12% pengajaran guru disampaikan pada standard yang tinggi, 38% pada standard memuaskan manakala 50% pengajaran tidak memuaskan, tidak menarik perhatian murid kerana pengajaran guru hanya menggunakan kaedah syarahan yang pasif kerana guru hanya menginginkan murid memahami kandungan asas mata pelajaran untuk tujuan lulus dalam peperiksaan daripada mengutamakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Hasil daripada pemerhatian terhadap 125 pengajaran dari 41 buah sekolah di seluruh Malaysia, didapati murid disogokkan dengan kaedah penghafalan, mengingat hampir 70%, menganalisis dan menginterpretasi data 18%, dan mensintesis maklumat

Justeru, pengetua sekolah harus memainkan peranan dalam memastikan semua guru terlibat dalam *Professional Learning Community (PLC)* agar ianya menjadi amalan dan budaya (Andin et al. (2019). Jika Negara Malaysia mahu setiap warganya mendapatkan pendidikan yang berkualiti, pemimpin sebagai penggerak utama kepada transformasi persekitaran sekolah haruslah sentiasa membuat penambahbaikan dan memastikan guru-guru sentiasa membuat inovasi dalam PdPc mereka untuk berdaya saing di peringkat global. Tambahan pula, *Professional Learning Community (PLC)* diyakini dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan guru-guru untuk sentiasa peka dengan kaedah dan strategi terkini. Melalui *Professional Learning Community (PLC)*, kualiti warga pendidik dapat ditingkatkan melalui latihan yang diadakan secara berterusan agar guru-guru mampu mensasarkan pendidikan di Malaysia menjadi antara

kelompok negara teratas di tangga dunia. Melalui *Professional Learning Community (PLC)* juga mengingatkan tanggung jawab dan peranan sebagai pendidik yang mengilmukan rakyat kerana maju mundurnya negara pada masa akan datang adalah bergantung pada keberkesanan guru memainkan peranan sebagai arkitek pembangunan insan, dapat ditingkatkan dan dimantapkan demi menghadapi pendidikan abad ke-21. *Professional Learning Community (PLC)* juga mampu mewujudkan tenaga kerja berdaya saing.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, didapati amalan *PLC* mula diperkenalkan di Malaysia, pada tahun 2011 (Zuraidah Abdullah, 2012) sedangkan di Amerika dan di Eropah perkara-perkara yang melibatkan amalan *PLC* ini sudah tersebar luas dan hangat diperkatakan oleh warga pendidik. Pembudayaan dan pelaksanaan amalan *PLC* ini dijadikan fokus utama kajian dalam usaha membawa perubahan atau transformasi kepada penambahbaikan dan keberkesanan sekolah (Hord et. al., 2008). Namun begitu, amalan *Professional Learning Community (PLC)* masih belum menyeluruh diamalkan di kebanyakan sekolah di Malaysia berbanding dengan kebanyakan negara lain. Kebiasaannya guru-guru hanya berkumpul untuk membuat kerja-kerja pengurusan secara formal (Buck, 2008). Untuk itu, So & Watkins (2005) juga menyarankan agar guru lebih memberikan tumpuan terhadap *PLC* bagi meningkatkan kepada pembelajaran berbanding kerja-kerja pengurusan.

Kajian *PLC* oleh Chong et. al., (2018) mendapati komitmen dan sokongan pengetua amat kurang kerana pengetua kurang berfikiran terbuka, kurang inovatif, bersifat autokratik, kurang memberi kebebasan kepada guru untuk melaksanakan tugas menyebabkan guru hanya menjadi pengikut. Ini menunjukkan terdapat pengetua yang



kurang mahir dalam bidang *PLC* berbanding dengan guru besar di sekolah rendah. Seharusnya sebagai seorang pengetua hendaklah memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan pembelajaran guru dengan memberikan penghargaan dan sokongan secara profesional kepada guru-guru yang berupaya melakukan inovasi (Abdul Ghani Kanesan Abdullah, Ekerim a/p Din Chen, 2019). Oleh demikian, kajian ini secara umum ingin menjawab persoalan pengaruh *PLC* terhadap efikasi sendiri guru dan profesionalisme guru. Oleh demikian, kajian ini secara umum ingin menjawab persoalan pengaruh *PLC* terhadap efikasi sendiri guru dan profesionalisme guru.

Sikap guru yang suka bekerja secara bersendirian, terasing, jarang mengamalkan budaya perkongsian sesama guru lain dari segi pengalaman dan bahan pengajaran (Aziah Ismail, Loh & Abdul Ghani Kanesan, (2015), tidak suka bekerjasama melihat latihan murid dengan guru-guru lain menyebabkan mereka tidak dapat memperbaiki kelemahan diri (Sujirah, 2012). Ini memberi kesan terhadap kualiti pengajaran guru. Pada peringkat awalnya, guru dikatakan belum bersedia (Laporan KPM, 2012) kerana guru-guru beranggapan bahawa tanpa mengemas kini dan menyesuaikan diri dengan perkembangan pendidikan terkini, sebaliknya mengekalkan pendekatan tradisional dan perkara jumud masih relevan digunakan pada ketika ini. Sikap sambil lewa guru tentang pembelajaran mereka sendiri menyebabkan mereka masih berada pada takuk lama dan menjadikan pendekatan papan putih dan pen maker sebagai alat bantu utama dan tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran. Ini sudah tentulah bercanggah dengan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan 2016 (PIPPK) yang menyatakan guru perlu sentiasa belajar untuk pembangunan sendiri dan kerjaya mereka demi meningkatkan keupayaan pengajaran dan pembelajaran guru secara individu dan kolektif dengan melaksanakan *PLC* yang diyakini memberikan





impak kepada efikasi sendiri dan profesionalisme guru. Guru-guru harus sedar bahawa pelajar kini tidak boleh lagi disuapkan dengan kaedah pengajaran yang lama dan usang yang sepatutnya disimpan dalam arkib pemikiran. Oleh itu guru-guru harus mempelbagaikan strategi pengajaran mereka menggunakan pendekatan terkini yang relevan (Siti Nafsiah et. al., 2018). Kajian lalu oleh (Aziah Ismail et. al., 2015) menunjukkan wujud perkaitan antara *Professional Learning Community (PLC)* dan Efikasi Kendiri Guru (EKG). Walau bagaimanapun, perkaitan tersebut hanya berada di tahap yang lemah.

Masalah guru-guru kurang berupaya untuk menyesuaikan diri dalam bekerja secara kolaboratif, kurang fokus pada pembelajaran murid, kurang memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan meningkatkan kualiti pengajaran masing-masing secara kolaboratif menyebabkan mereka tidak dapat mengamalkan *Professional Learning Community* (Chong Chee Keong et. al., 2018). Mengikut Laporan Jemaah Nazir (2016), dalam mesyuarat panitia yang dijalankan seharusnya menekankan tentang *PLC* di mana waktu ini adalah paling sesuai untuk guru-guru berinteraksi dan bekerja secara kolaboratif dalam menghasilkan rancangan pengajaran yang berkualiti dan berkesan (Nor Foniza Maidin & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2010).

Sekiranya hal ini berterusan, sudah tentu guru tidak menyedari kekurangan dan kelemahan mereka. Guru yang bersikap individualistik sehinggakan tidak bersedia untuk menerima perubahan dan berkongsi pengetahuan sesama rakan sejawat tidak lagi relevan pada ketika ini. Justeru, perubahan bekerja bersendirian kepada bekerja dalam sepasukan (Roslee Talip, 2012) adalah langkah yang bijak. Oleh itu melalui



pelaksanaan *Professional Learning Community (PLC)* dapat memupuk semangat bekerja secara sepasukan (Mohd Faizal et. al., 2018). *PLC* merupakan komuniti yang dibentuk untuk guru berinteraksi dan bekerja secara kolaboratif dalam menghasilkan rancangan pengajaran yang berkualiti dan berkesan. Ini menunjukkan bahawa guru harus menjadikan *Professional Learning Community (PLC)* sebagai budaya dan strategi peningkatan prestasi guru-guru untuk berjaya keluar daripada sifat bersendirian atau individualistik kepada budaya kerja sepasukan yang bermatlamatkan peningkatan prestasi pelajaran murid (Zuraidah Abdullah et. al., 2012).

Begitu juga kajian yang dilaksanakan oleh Engels, Hotton, Devos, Bouckennooghe, & Aelterman, (2008), menjelaskan dan membuktikan amalan-amalan *Professional Learning Community* mempunyai keberkesanan terhadap Efikasi Kendiri guru, pencapaian sekolah dan kecemerlangan prestasi murid. Oleh itu, penyelidik berasaskan perlunya kajian diteruskan dengan melihat perkaitan antara *Professional Learning Community (PLC)*, Efikasi Kendiri Guru (EKG) dan Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PPG). Walau bagaimanapun kajian ini hanya dilaksanakan di sekolah menengah harian di Pulau Pinang. Oleh itu, penyelidik ingin melaksanakan kajian ini di Negeri Selangor pula.

Kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa *Professional Learning Community (PLC)* seharusnya menjadi amalan dan budaya di setiap sekolah di seluruh Malaysia. *Professional Learning Community (PLC)* juga mampu menambahbaik sistem pendidikan yang berkualiti dan dapat melengkapkan warga pendidik dengan amalan penambahbaikan sekolah yang melibatkan sokongan semua komuniti dalam dan luar sekolah bagi menghadapi cabaran dalam meningkatkan pencapaian murid

(Teo, 2007). *Professional Learning Community (PLC)* sebenarnya memberi impak kepada Efikasi Kendiri Guru dan Profesionalisme Guru dan kajian ini masih kurang dilaksanakan di kebanyakan organisasi di Malaysia kerana belum berjaya menjadi organisasi pembelajaran sepenuhnya (Siti Aliah Ismail et. al., 2016). Pengkaji berasakan satu keperluan untuk mengkaji perkaitan *PLC* dengan Efikasi Kendiri Guru dan Profesionalisme Guru pada skala yang lebih besar.

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap amalan *Professional Learning Community* guru, Efikasi Kendiri Guru, dan Profesionalisme Guru dan dimensi-dimensinya di sekolah menengah di Negeri Selangor.
- ii. Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan demografi guru di sekolah kajian.
- iii. Mengenal pasti sama ada *Professional Learning Community* guru mempunyai hubungan terhadap Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor.
- iv. Menganalisis hubungan Efikasi Kendiri dan Profesionalisme guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor.
- v. Mengenal pasti dimensi amalan *Professional Learning Community* guru yang menjadi peramal kepada Efikasi Kendiri dan Profesionalisme guru.

- vi. Mengenal pasti sama ada perhubungan berstruktur antara *Professional Learning Community* , Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru sepadan (*fit*) dengan data yang dicerap.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasar objektif yang telah dinyatakan, persoalan utama yang menjadi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap amalan *Professional Learning Community* , Efikasi Kendiri, Profesionalisme Guru dan dimensi-dimensinya di Sekolah Menengah di Negeri Selangor?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru, berdasarkan demografi guru di sekolah kajian?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan *Professional Learning Community* guru terhadap Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor?
- iv. Adakah terdapat hubungan yang positif dan signifikan Efikasi Kendiri dan Profesionalisme guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor?
- v. Adakah dimensi-dimensi *Professional Learning Community* mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru di sekolah kajian?

- vi. Adakah perhubungan berstruktur antara *Professional Learning Community* , Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru sepadan (*fit*) dengan data yang dicerap?

1.6 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini terdapat lima hipotesis kajian yang dibentuk dan jawapan bagi hipotesis-hipotesis H_{01} , H_{02} , H_{03} , H_{04} dan H_{05} akan dianalisis dengan menggunakan Ujian-t dua sampel, ANOVA satu hala, korelasi *Pearson* dan analisis regresi berganda *stepwise* manakala hipotesis H_5 , akan menggunakan *Structural Equation Modeling*.

Hipotesis kajian yang akan diuji dalam kajian ini ialah:

Soalan Kajian 2:

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan demografi guru di sekolah kajian.

Hipotesis nol yang disarankan bagi persoalan kajian kedua adalah:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan demografi guru di sekolah kajian.

H_{01a} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi jantina di sekolah kajian.

H_{01b} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi umur di sekolah kajian.

H_{01c}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi kategori sekolah di sekolah kajian.

H_{01d}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi daerah sekolah di sekolah kajian.

H_{01e}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi kelayakan akademik di sekolah kajian.

H_{01f}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi tempoh pengalaman mengajar di sekolah kajian.

Soalan Kajian 3:

Adakah terdapat hubungan yang signifikan *Professional Learning Community* guru terhadap Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor?

Hipotesis nol yang disarankan bagi persoalan kajian ketiga adalah:

H₀₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan *Professional Learning Community* guru dengan Efikasi Kendiri Guru dan Profesionalisme Guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor (2 Hipotesis).

H_{02a}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan *Professional Learning Community* guru dengan Efikasi Kendiri Guru dalam kalangan guru di sekolah kajian.

H_{02b}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan *Professional Learning Community* dengan Profesionalisme Guru dalam kalangan guru di sekolah kajian.

Soalan Kajian 4:

Adakah terdapat hubungan yang positif dan signifikan Efikasi Kendiri dan Profesionalisme guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor?

Hipotesis nol yang disarankan bagi persoalan kajian keempat adalah:

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang positif dan signifikan Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor.

Soalan Kajian 5:

Adakah dimensi-dimensi *Professional Learning Community* mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru di sekolah kajian?

Hipotesis nol yang disarankan bagi persoalan kajian kelima adalah:

Ho4: Tidak terdapat pengaruh dimensi-dimensi *Professional Learning Community* dengan Efikasi Kendiri Guru dan Profesionalisme Guru di sekolah kajian (2 Hipotesis).

H_{o4a}: Tidak terdapat pengaruh dimensi-dimensi *Professional Learning Community* dengan Efikasi Kendiri Guru dalam kalangan guru di sekolah kajian.

H_{o4b}: Tidak terdapat pengaruh dimensi-dimensi *Professional Learning Community* dengan Profesionalisme Guru dalam kalangan guru di sekolah kajian.

Soalan Kajian 6:

Adakah perhubungan berstruktur antara *Professional Learning Community* , Efikasi Kendiri guru serta Profesionalisme guru sepadan (*fit*) dengan data yang dicerap?

Hipotesis alternatif yang disarankan bagi persoalan kajian keenam adalah:

H5: Perhubungan berstruktur antara *Professional Learning Community* , Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru sepadan (*fit*) dengan data yang dicerap.

1.7 Senarai Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang dinyatakan, hipotesis kajian ini adalah seperti yang berikut:

Jadual 1.1

Senarai Hipotesis

Objektif Kajian	Soalan Kajian	Hipotesis
2	2	H _{o1} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan demografi guru di sekolah kajian.
2	2	H _{o1a} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi jantina di sekolah kajian.
2	2	H _{o1b} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi umur di sekolah kajian.
2	2	H _{o1c} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi kategori sekolah di sekolah kajian.
2	2	H _{o1d} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi daerah di sekolah kajian.

(bersambung)



Jadual 1.1 (sambungan)

Objektif Kajian	Soalan Kajian	Hipotesis
2	2	H _{01e} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi kelayakan akademik di sekolah kajian.
2	2	H _{01f} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap Efikasi Kendiri Guru berdasarkan faktor demografi pengalaman mengajar di sekolah kajian.
3	3	H ₀₂ Tidak terdapat hubungan yang signifikan <i>Professional Learning Community</i> guru dengan Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor.
3	3	H _{02a} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara <i>Professional Learning Community</i> dengan Efikasi Kendiri Guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor.
3	3	H _{02b} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara <i>Professional Learning Community</i> dengan Profesionalisme Guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor.
4	4	H ₀₃ Tidak terdapat hubungan yang positif dan signifikan Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru di Sekolah Menengah di Negeri Selangor.
5	5	H ₀₄ Tidak terdapat pengaruh dimensi-dimensi <i>Professional Learning Community</i> dengan Efikasi Kendiri Guru dan Profesionalisme Guru di sekolah kajian.
5	5	H _{04a} Tidak terdapat pengaruh dimensi-dimensi <i>Professional Learning Community</i> dengan Efikasi Kendiri Guru dalam kalangan guru di sekolah kajian.
5	5	H _{04b} Tidak terdapat pengaruh dimensi-dimensi <i>Professional Learning Community</i> dengan Profesionalisme Guru dalam kalangan guru di sekolah kajian.
6	6	H ₅ Perhubungan berstruktur antara <i>Professional Learning Community</i> , Efikasi Kendiri Guru dan Profesionalisme Guru sepadan (<i>fit</i>) dengan data yang dicerap.



1.8 Kerangka Kajian

Bagi tujuan kajian ini, penyelidik telah merujuk Yahaya, Hashim, Ramli, Boon dan Hamdan (2007), pada asasnya, teori membantu penyelidik melihat bidang ilmu secara sistematik. Dengan kefahaman yang tersusun, beberapa bidang ilmu dapat digabungkan bagi membina perkaitan antara konsep dari disiplin ilmu tertentu. Ini dapat membantu penyelidik membina kerangka kerja asas permasalahan yang ingin dikaji. Seterusnya persoalan kajian dan hipotesis kajian dibentuk bagi menentukan arah kajian.

Kerangka konsep bagi kajian ini mengambil kira tiga pembolehubah pendam yang diadaptasi dan diubahsuai daripada Model *Professional Learning Community* yang digunakan oleh Zuraidah Abdullah yang telah diubahsuai daripada Hipp dan Huffman (2003), Model Efikasi Kendiri Guru oleh Tschannen-Moran, Hoy & Hoy (1998) yang diperolehi daripada Shafinaz A. Maulod dan Model Standard Guru Malaysia (KPM, 2009) dalam konteks kajian ini. Pengkaji akan menguji hubungan yang terlibat berdasarkan teori-teori sokongan atau model-model yang menyokong reka bentuk kajian ini agar mencapai objektif kajian.

1.8.1 Kerangka Teoritik Kajian

Secara teoritik, penyelidikan ini umumnya telah memilih model *Professional Learning Community* oleh Zuraidah Abdullah (2016), model Efikasi Kendiri Guru oleh Shafinaz A. Maulod (2017), dan model Standard Guru Malaysia (2009) menjadi asas utama untuk dijadikan kerangka konsep bagi mendasari kajian.

Bagi tujuan kajian ini, penyelidik telah menggunakan teori Zuraidah Abdullah (2016) yang diubahsuai daripada Hipp dan Huffman (2003) yang berasal daripada teori Hord (1997) bagi mendasari kajian pengaruh *Professional Learning Community (PLC)* dalam meningkatkan efikasi sendiri dan profesionalisme guru. Teori ini dianggap begitu meyakinkan kerana ianya telah digunakan oleh ramai pengkaji terutamanya kerana ia menerangkan kepada lima dimensi utama sesuatu *PLC* itu lebih efektif di dalam satu situasi yang berlainan.

Teori ini menitikberatkan motivasi yang berdasarkan maklum balas dan pencapaian. Efikasi sendiri adalah sifat multi-dimensional dan dibezakan dengan hasil dan jangkaan efikasi yang mana individu itu percaya yang tindakan akan menghasilkan hasil yang dijangkakan. Walau bagaimanapun, jika individu itu tidak mempunyai kebolehan untuk melakukan sebarang tindakan, mereka tidak akan terlibat atau melakukan tindakan tersebut. Seterusnya efikasi sendiri guru mempunyai perkaitan dengan pencapaian murid. Teori Efikasi Kendiri oleh Woolfolk & Hoy (1993) membahagikan efikasi sendiri kepada dua bahagian iaitu efikasi pengajaran umum dan efikasi pengajaran peribadi yang diubahsuai dari teori Bandura (1993).

1.8.1.1 Teori *Professional Learning Community*

Idea *Professional Learning Community (PLC)* ini telah dikembangkan oleh (Hord, 1997) berasaskan organisasi pembelajaran yang diperkenalkan dalam organisasi perniagaan. Peter Senge dalam *The Fifth Discipline: The Art and Practice of The Learning Organization* (1990) mendefinisikan organisasi pembelajaran adalah proses



pembelajaran professional yang berterusan dengan harapan untuk mencipta hasil yang sebenarnya, memupuk pemikiran yang baharu, bebas menetapkan matlamat bersama dan individu sentiasa belajar tentang cara untuk meneruskan pembelajaran bersama-sama.

Konsep organisasi pembelajaran oleh Peter Senge ini, apabila dilaksanakan di sekolah, (Hord, 1997) telah menterjemahkannya sebagai *Professional Learning Community (PLC)* (Meehan, Orietsky & Saltes, 1997). Menurut Hord, (1997), adalah sangat jelas usaha untuk mentransformasikan organisasi sekolah memerlukan komitmen tinggi dan tindakan berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016), maka permuafakatan semua pihak berkepentingan diperlukan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; Nik Azis dan Noraini, 2008) secara aktif dan memupuk pembangunan profesionalisme semua staf sebagai satu komuniti. Transformasi yang ingin dibawa oleh pengetua, sudah tentulah untuk pengukuhan semula segala kelakuan yang berunsur kerjasama yang telah lama wujud dan diamalkan dalam agama dan budaya masyarakat Malaysia (Fullan, 1993; Kyriakides, Leonidas, & Creemers, 2008; & Kastner, 2015).

Sehubungan dengan itu, (Bush, 2005) menyatakan sekolah-sekolah yang berjaya telah membuktikan mereka komited kepada usaha menambahbaik sekolah dan bersedia untuk merubah amalan sedia ada. Perubahan amalan sedia ada ini ialah berkaitan dengan amalan guru-guru ketika berada di dalam bilik darjah. Semua guru harus disedarkan bahawa kerja mereka bukan hanya menghabiskan sukatan pelajaran tetapi hendaklah membimbing pelajar supaya mereka berusaha belajar secara individu atau berkumpulan malahan harus menyeimbangkan dengan nilai moral dan etika yang





murni (Stamper, 2015). Situasi inilah merupakan asas kepada sekolah sebagai *Professional Learning Community (PLC)*, iaitu untuk membangunkan kapasiti guru-guru secara kolaboratif bagi memastikan guru-guru menjiwai tanggungjawab membantu murid menguasai pembelajaran mereka.

Hord (1997), memulakan *Creating Communities of Inquiry and Improvement*, sebanyak 30 buah sekolah dijemput untuk menyertai. Pada fasa ketiga hanya 12 sekolah sahaja bertahan. Kajian diteruskan dan menghasilkan enam buah sekolah yang menunjukkan ciri-ciri mengamalkan semua dimensi. Hal ini adalah dalam kajian yang menentukan sekolah contoh *PLC* (Mitchell et al., 2005) didapati kejayaan sesuatu inovasi dan perubahan adalah bergantung kepada usaha staf untuk melestarikan menjadi satu budaya.



Hord (1997), dalam usaha membentuk konsep mengenai *PLC* dijalankan. (Hord, 1997) Kajian *PLC* dijalankan di sebuah sekolah di Louisiana secara kualitatif. Projek yang mengambil masa yang panjang. Beliau mengikut lima proses perubahan iaitu tidak memulakan (*non-starter*), memulakan (*starter*), pembangun (*developer*), matang (*mature*) dan pengekalan (*sustainability*). Sekolah tersebut ialah sekolah yang hampir ditutup kerana tidak mendapat kepercayaan ibu bapa mendaftarkan anak-anak mereka, dan pengetuanya silih berganti. Apabila beliau mengadakan kajian ini, visi pengetua yang pertama adalah untuk berkongsi dengan guru-guru membuat keputusan dan dibantu oleh pembangunan staf yang berterusan. Pengetua kedua meneruskan *PLC* dengan membuat tambahan dari segi membangunkan sikap saling mempercayai dan perhubungan yang saling mengambil berat dalam kalangan staf profesional. Bagi meningkatkan kejeleketan, pengetua tersebut telah mengadakan aktiviti tidak formal



bersama-sama dengan guru. Dia juga membantu guru untuk belajar dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan amalan seharian. Pengetua ketiga telah melibatkan ibu bapa, murid dan staf untuk bersama-sama membangunkan kepakaran bagi membangunkan sekolah. Pengetua bersama-sama dengan guru-guru berusaha untuk meraih dana bagi mengadakan program memajukan sekolah. Akhirnya pengetua yang keempat telah meneruskan proses kerja secara kolaboratif dan pembelajaran guru-guru pada hujung minggu. Beliau telah menambah penggunaan teknologi dalam pengajaran dan menekankan kepada kurikulum dan tugas pembelajaran murid.

Idea *PLC* Hord (1997) kemudiannya telah ditambahbaik oleh Hipp dan Huffman (2003) mewujudkan alat ukuran *PLC* baharu iaitu *Professional Learning Community Assessment (PLCA)*. *PLCA* telah mengikut tiga tahap iaitu permulaan, pelaksanaan dan pengamalan yang diadaptasi daripada model perubahan Fullan (1991) untuk mengukur tahap *PLC* di sekolah. *Southwest Educational Development Laboratory (SEDL)* juga telah menjalankan beberapa siri kajian bagi melihat pembinaan *PLC* dari tahap permulaan hinggalah kepada tahap pengamalan (Hipp dan Huffman, 2003). Berbanding, Hord (1997) yang mengenal pasti lima tahap sekolah sebagai sebuah *PLC* mengikut lima proses perubahan iaitu tidak memulakan (*non-starter*), memulakan (*starter*), pembangun (*developer*), matang (*mature*) dan pengekalan (*sustainability*).

Leithwood et al., (2012) dengan kerjasama *SEDL* telah menjalankan kajian selama lebih sembilan tahun di lima buah negeri yang menentukan definisi dan atribut-atribut sekolah sebagai *PLC* mengikut lima dimensi utama. Kajian dan idea Hord (1997) berasaskan kepada kajian-kajian pengkaji seperti Astuto, Maki dan



Cunningham-Morris (1993); Ruggiero, (2004); Day & Harris, (2002); MadMullen, (1996); Peterson, McCartney dan Elmore, (1996); dan Rosenholtz, (1989).

Beliau kemudiannya telah mengembangkan kajian dengan melihat faedah-faedah *PLC* kepada keberkesanan dan penambahbaikan sekolah yang terbukti mempunyai korelasi dengan pencapaian murid, meningkatnya semangat guru, meningkatkan kapasiti guru, merubah budaya kerja profesional dan membantu memartabatkan profesionalisme guru yang akhirnya membawa penambahbaikan kepada sekolah (Donà et al., 2009); Carter, 2008; Wyler, 2008; Stier, 2007; DuFour et. al, 2006; DuFour, 2004, DuFour et. al, 2004; Hipp dan Huffman, 2004; Day & Harris, 2002; Chan & Pang, 2006).



Hampir keseluruhan ilmu dalam pendidikan adalah adaptasi daripada kajian-kajian, teori-teori, penemuan dan idea-idea di dalam bidang perniagaan atau korporat, iaitu hal yang sama bagi *Professional Learning Community* ini. Terdapat perbincangan sama ada sesuai untuk menggunakan sekolah sebagai organisasi atau sekolah sebagai sebuah *PLC*. Hipp & Huffman (2003) telah membina alat ukuran *PLC* baharu dengan kerjasama *Southwest Educational Development Laboratory (SEDL)* beliau telah menjalankan kajian selama lebih sembilan tahun di lima buah negeri yang menentukan definisi dan atribut-atribut sekolah sebagai *Professional Learning Community (PLC)* mengikut lima dimensi utama iaitu i. komitmen dan sokongan pengetua sekolah, ii. perkongsian personal, iii. norma dan visi bersama, iv. pembelajaran kolaboratif, dan v. sokongan berstruktur.





Memetik kajian Mohamad Najib (2015) yang menyatakan bahawa sekolah sebagai organisasi pembelajaran wajar sentiasa menitik beratkan pembangunan kompetensi staf dalam organisasi agar sentiasa belajar demi menghadapi perubahan semasa. Organisasi di sini dimaksudkan sebagai komuniti di dalam sekolah yang sentiasa bersedia untuk berubah dan tidak alpa dibawa masa tanpa sebarang usaha memperbaiki amalan pengajaran seharian serta membangunkan keprofesionalisme diri masing-masing. Guru seharusnya dibangunkan sebagai kumpulan yang sentiasa bekerja secara kolaboratif agar dapat berbincang, bersoal jawab, berdiskusi dan sentiasa memberikan tumpuan kepada amalan pengajaran dan pembelajaran seharian mereka.

Sergiovanni (2001) mentakrifkan komuniti sebagai koleksi manusia yang berkumpul bersama kerana mereka mempunyai persamaan dari segi kebiasaan, komitmen, idea dan nilai. Oleh itu, komuniti di sekolah seharusnya sentiasa mengamalkan pembelajaran kolaboratif, inklusif dan perkongsian personal. Sementara komuniti pembelajar pula ditakrifkan sebagai murid dan warga sekolah lain yang komited untuk berfikir, berkembang, bersoal jawab, dan juga aktiviti pembelajaran menjadi sikap dan cara hidup.

Dalam pada itu, Sergiovanni (2007) turut menggambarkan sekolah sebagai sebuah komuniti yang bertanggungjawab dan memberi peluang kepada pengetua menjadikan sekolah lebih prihatin dan produktif. Komuniti juga mempunyai persamaan dari segi ciri, pemahaman yang sama yang membekalkan ahli dengan identiti yang sepunya, rasa dipunyai dan terlibat dalam mencipta hasil yang bermakna secara rangkaian. Komuniti ini akan menyerap rasa tanggungjawab dalam budaya sekolah dan



disebarkan kepada semua ahli agar turut merasai tanggungjawab moral yang ditunjukkan oleh tingkahlaku seharian.

Menyedari tentang profesional pendidikan yang sentiasa berdepan dengan cabaran yang besar, maka pendidik disaran untuk menyediakan dirinya dan murid-murid dengan ilmu, kemahiran, sikap, dan kompetensi yang baharu bagi membantu survival dalam era ekonomi yang tidak menentu (Walker & Hallinger, 2007). Untuk menghadapi cabaran dan kompleksiti era ini, pembudayaan semula harus dilakukan dengan memberi penekanan kepada nilai, moral, kepercayaan yang berasaskan ketuhanan dan keagamaan dalam diri murid, guru dan staf sekolah dalam usaha meningkatkan kecemerlangan dan keupayaan serta memaksimumkan potensi diri. Sergiovanni (2007) berpendapat, budaya sekolah mengandungi nilai, simbol, kepercayaan dan perkongsian makna dalam kalangan murid, ibu bapa, guru dan pihak-pihak lain sebagai satu kumpulan atau komuniti. Semua ini akan mengikat semua guru membentuk kesepaduan kumpulan yang tinggi dalam komuniti sekolah.

Budaya yang hendak dikembangkan adalah budaya ilmu. Rakyat hendaklah digalakkan dalam membaca bahan yang bermutu tinggi dalam mendekatkan idea-idea yang besar kepada masyarakat. Seorang pengetua atau pemimpin adalah orang yang akan menjadi pemula dalam mengadakan perbincangan ilmiah serta penyebaran ilmu-ilmu yang penting. Oleh itu, sekolah berperanan memperkembangkan budaya ilmu guru untuk mengubah pembelajaran murid agar lebih meningkat dan membolehkan mereka mampu berdaya saing dalam pasaran kerja.

Fullan, (2017) berpendapat matlamat asas penambahbaikan sekolah adalah untuk menambahbaik pembelajaran murid, iaitu kualiti pengajaran sebagai kunci yang menentukan pembelajaran murid. Beliau memetik kajian Brown et al., (2005) yang memberikan tiga perkara asas untuk sekolah berjaya:

- i. Mesti ada *PLC*, iaitu guru, pengetua dan pentadbir berusaha membangunkan kefahaman berguna dan komitmen untuk pembelajaran murid.
- ii. Kerjasama yang memberi fokus kepada mentaksir dan mengadaptasi amalan pengajaran baharu yang sesuai mengikut tahap semua murid.
- iii. Perkongsian kefahaman dan teknik pengajaran baharu bagi menentukan dengan cara apa murid belajar.

Sehubungan itu, membangunkan budaya profesionalisme di sekolah adalah sangat kompleks kerana harus dilakukan dari segi amalan kerja guru seharian, peranan dan yang berkaitan dengan keseluruhan kerjaya guru. Hal ini demikian kerana konsep *PLC* mempunyai kelebihan, kebolehan, bercita-cita untuk meneruskan kerjaya dalam pengajaran dengan lebih cemerlang (Al-Qudsy, 2008).

Sementara itu, (Leithwood et al., 2012) berpendapat memantapkan budaya *PLC* akan menghasilkan pembelajaran guru yang lebih berpengetahuan dan bertindakbalas kepada keperluan pembelajaran murid. Di samping itu, *PLC* juga akan memartabat profesion keguruan bersesuaian dengan keperluan negara dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Tindakan pengetua dan guru	Fasa pembangunan sekolah				Pembelajaran murid dan penambahbaikan sekolah
		permulaan	pelaksanaan	pengamalan	
	Komitmen dan sokongan pengetua	Memupuk kepimpinan dalam kalangan staf	Perkongsian kuasa, autoriti dan tanggungjawab	Menyebarkan membuat keputusan untuk mendapatkan komitmen dan akauntabiliti	
	Perkongsian personal	Pemantauan Mendorong	- berkongsi hasil amalan baru - maklum balas	menyemak tugas murid yang berkaitan amalan	
	Norma dan visi bersama	Menyokong nilai dan norma	Fokus kepada murid Jangkaan yang tinggi	Perkongsian visi untuk meningkatkan PdPc	
	Pembelajaran kolaboratif	Berkongsi maklumat Berbincang	Kolaboratif Penyelesaian masalah	Mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan strategi	
	Sokongan berstruktur	Hubungan yang slaing mengambil berat	Kepercayaan dan saling menghormati	Mengambil risiko Kesepaduan untuk membudayakan perubahan	

Rajah 1.1. Model Professional Learning Community



1.8.1.2 Teori Efikasi Kendiri Guru

Sejak beberapa dekad yang lalu, teori kognitif sosial telah mendapat perhatian para penyelidik dalam pendidikan Sains, terhadap keupayaan atau keyakinan terhadap efikasi sendiri guru (Andrew, 1998; Baldwin, Ebert-May & Burns, 1999; Mulholland & Wallace, 2001; Dalgety, Coll & Jones, 2003; Britner & Pajares, 2006). Kajian-kajian terhadap hubungan keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dengan efikasi sendiri guru mendapati bahawa ia merupakan peramal pengukuran akademik yang utama berbanding variabel-variabel lain seperti jantina dan latar belakang kekeluargaan (Andrew, 1998; Pajaras, Britner & Valiante, 2000; Britner & Pajares, 2001; Kupppermins, 2002; Lau & Roeser, 2002; Hampton & Mason, 2003). Kesemua dapatan ini berjaya memperlihatkan pengaruh efikasi sendiri berbanding dengan pengaruh-pengaruh lain dalam pemantapan pengajaran guru di sekolah.

Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (1998) berpendapat efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru akan mempunyai keupayaan diri untuk menyusun atur dan melaksanakan satu siri tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan satu tugas pengajaran dalam konteks yang lebih spesifik. Oleh itu, efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru akan keupayaan diri untuk mengajar di dalam situasi pengajaran. Menurut Anderson dan Powell (1998) efikasi sendiri guru adalah suatu perasaan yang membuatkan seseorang itu berasakan betapa bagusnya beliau mampu mengajar dan mengamalkannya dengan baik. Guru-guru yang mempunyai efikasi pengajaran yang tinggi mempunyai sasaran yang lebih tinggi kepada murid-muridnya, mudah menerima idea baharu dan sentiasa mencuba teknik-teknik pengajaran yang baharu (Allinder, 1995), mempunyai daya ketahanan yang tinggi untuk melaksanakan





tugas mengajar walaupun sukar (Coladarci, 1992) kerana mereka dapat mengatasi kesukaran melalui usaha yang lebih gigih untuk menguasai kemahiran mengajar sehingga menemui kejayaan. Sebaliknya guru yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah mempunyai aspirasi yang rendah dan sentiasa mengelak dari berhadapan dengan pengajaran yang sukar. Apabila timbul situasi yang sebegini, guru berefikasi rendah ini akan lebih fokus kepada rintangan bukannya usaha untuk mengatasi rintangan tersebut. Guru-guru ini juga akan mudah berputus asa dan seterusnya akan menimbulkan stres semasa menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Bandura (1997), menyatakan Efikasi sendiri mempengaruhi prestasi melalui peningkatan usaha dan kecekalan. Efikasi sendiri menurut Bandura (1997) juga bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang dalam melaksanakan tingkah laku bagi mencapai sesuatu maksud dengan jayanya. Justeru, tahap efikasi sendiri guru dalam mendidik murid, secara langsung mempengaruhi amalan PdPc mereka.

Dalam Teori Kognitif Sosial, persepsi efikasi diri merupakan faktor utama yang mempengaruhi motivasi dan tindakan manusia (Bandura, 1986). Bukti-bukti kajian mendedahkan bahawa kepercayaan diri terhadap efikasi boleh menghasilkan pelbagai kesan psikologi. Efikasi sendiri boleh mempertingkatkan tahap motivasi secara berterusan melalui mobilisasi dan pengekalan usaha, atau secara tidak langsung melalui impak ke atas penetapan matlamat yang hendak dicapai (Bandura & Cervone 1983, 1986; Cervone & Peake 1986). Penetapan dan penerimaan matlamat yang selanjutnya pula ditakrifkan sebagai komponen utama bagi komitmen yang perlu wujud dalam diri supaya sasaran dan hasil yang ditetapkan dalam setiap matlamat itu mampu





direalisasikan (Locke, FredERICK, Lee & Bobko, 1984; Taylor, Locke, Lee & Gist, 1984).

Kajian dijalankan oleh Mc Laughlin and Marsch (1978) mendapati efikasi sendiri guru mempunyai kesan yang positif antaranya ialah menyumbang kepada pencapaian sesuatu matlamat dan kecemerlangan murid. Efikasi sendiri guru turut mempengaruhi tingkah laku melalui:

- a. Proses kognitif – terutamanya pencapaian matlamat
- b. Proses motivasi – menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan
- c. Proses afektif – berkaitan dengan kawalan perasaan yang negatif
- d. Prose pemilihan



Efikasi sendiri guru akan mempengaruhi pencapaian murid (Bandura, 1997). Guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dapat memotivasikan dan meningkatkan perkembangan kognitif pelajar (Gibson & Dembo, 1984). Efikasi sendiri guru terdiri daripada dua konstruk iaitu keupayaan sendiri (*personal teaching efficacy*) dan keupayaan mengajar (*general teaching efficacy*). Keupayaan sendiri bermaksud keyakinan bahawa guru itu mempunyai keterampilan dan kebolehan dalam mengubah murid-muridnya. Keupayaan mengajar pula bermaksud kepercayaan adalah terhadap kerana pengaruh faktor-faktor luaran seperti persekitaran, latar belakang dan pengaruh ibu bapa.





Bandura (1993) mengkaji efikasi sendiri guru yang mempunyai hubungan dengan motivasi dan 'phovias'. Kajian beliau menunjukkan seseorang individu itu boleh mengembangkan idea dan persepsi diri berdasarkan kebolehan mereka. Kebolehan inilah yang akan menggerakkan individu-individu itu apabila berhubungan dengan persekitarannya. Dengan kata lain, guru-guru yang mempunyai persepsi yang kuat tentang efikasi sendiri mereka akan menunjukkan tingkahlaku yang positif seperti bersemangat, tabah, yakin dan bekerja keras. Guru-guru ini mengagihkan masa secara berbeza dan melibatkan murid-murid di dalam pembelajarannya untuk jangka masa yang lebih lama. Guru-guru bertanggungjawab dan yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi mampu mewujudkan hubungan yang akrab terutamanya kepada murid-murid yang lemah.




kendiri seseorang guru jelas mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran. Justeru, usaha ke arah meningkatkan efikasi sendiri guru-guru di sekolah menengah di negeri Selangor hendaklah dititikberatkan sekaligus mampu menambahbaik sistem pendidikan sekolah menengah di Negeri Selangor.

Kesimpulannya, kajian ini bertunjangkan teori yang diambil daripada Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (2001) yang telah menterjemahkan dan diubahsuaikan ke dalam Bahasa Melayu oleh Shafinaz A. Maulod dalam kajian beliau. Dalam model ini, penyelidik mengenal pasti sama ada *Professional Learning Community* guru mempunyai hubungan terhadap efikasi sendiri dan profesionalisme guru menggunakan dimensi strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid. Kajian ini juga terbatas kepada pengaruh *PLC* terhadap efikasi sendiri guru. Hasil tinjauan



literatur menunjukkan pengaruh *PLC* terhadap Efikasi Kendiri Guru kurang dikaji di Malaysia.



Rajah 1.2. Model Efikasi Kendiri Guru

1.8.1.3 Teori Profesionalisme Guru

Profesionalisme guru ialah satu peraturan atau proses atau tanggungjawab di mana seseorang guru harus sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti diri dan kompetensi berteraskan pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional kerana Malaysia memerlukan guru-guru yang celik dan berpendidikan. Guru yang mengamalkan pengajaran berkesan merangkumi elemen pengaktifan kognitif, sokongan emosi dan sosial dalam bilik darjah. Fahaman ini adalah didasarkan dengan asas kepercayaan bahawa murid berhak memanfaatkan bakat mereka dengan menghasilkan modal insan minda kelas pertama yang mampu menggunakan pengetahuan secara proaktif, kreatif dan inovatif. Guru yang mempunyai kemahiran dalam bidang tarian, drama, teater, nyanyian, dan beramin alat muzik mempunyai satu kelebihan yang boleh digunakan

untuk mengajar murid khususnya melalui kokurikulum. Guru juga harus mempunyai unsur kecintaan dalam pengampaian pengajaran agar murid berasa seronok dan mudah menerima ilmu yang disampaikan.

Model Standard Guru Malaysia 2009 (SGM) adalah suatu standard yang dapat menjadi penanda aras bagi para guru di Malaysia dalam melahirkan guru yang berkualiti. Pelancaran buku SGM telah dilaksanakan pada 16 Mei 2009 bersempena Hari Guru peringkat kebangsaan. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak telah merasmikan pelancaran buku tersebut. Oleh itu, SGM adalah kayu ukur bagi mengukur tahap profesionalisme guru dalam kalangan pendidik agar kualiti pendidikan yang diperlukan oleh sistem pendidikan negara dapat dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, untuk kajian ini hanya Bahagian Standard SGM sahaja yang akan diukur dalam kajian yang terdiri daripada Standard 1: Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan, Standard 2: Pengetahuan dan Kefahaman, dan Standard 3: Kemahiran Pengajaran & Pembelajaran

Amalan profesionalisme guru digubal berlandaskan budaya Institut Pendidikan Guru (IPG), Tatasusila Profesion Keguruan, nilai murni dalam kurikulum sekolah, nilai utama dalam Perkhidmatan Awam, prinsip utama Etika Kerja KPM, dan Tonggak Dua Belas. Standard ini mempunyai tiga domain utama iaitu diri, profesion dan sosial seperti mana yang dapat dilihat seperti Rajah 1.3.

Profesionalisme keguruan juga menjelaskan tentang elemen-elemen berkaitan dengan kemampuan individu berkenaan mencapai standard yang ditetapkan, mempunyai pengetahuan terhadap profesionnya, mengendalikan kepakaran secara




profesional dan bangga dengan kebolehan yang dimiliki. Abd Khalil Adnan (2017) menyatakan bahawa profesionalisme keguruan bukan sahaja menuntut guru-guru menjalankan tugas secara efektif, tetapi juga turut menuntut mereka meneruskan usaha-usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Dalam konteks ini, profesionalisme keguruan akan dipamer dan dizahirkan pada keseluruhan tindakan yang berkualiti yang ditunjukkan oleh perwatakan guru (Roslee Talip, 2012).

Kajian ini juga terbatas kepada pengaruh *PLC* terhadap Profesionalisme Guru berdasarkan Standard Guru Malaysia merupakan satu dokumen yang digubal oleh KPM berdasarkan rujukan penandaarasan standard di Malaysia bagi menetapkan tahap pencapaian kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru untuk menjamin dan mengekalkan pendidikan yang berkualiti kepada warganegara Malaysia kini dan akan datang. Buku Standard Guru Malaysia, bersama-sama dengan buku Panduan Standard Guru Malaysia dan Manual Instrumen Standard Guru Malaysia akan dapat memastikan guru yang dihasilkan mempunyai kompetensi yang tinggi dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Hasil tinjauan literatur menunjukkan pengaruh *Professional Learning Community* terhadap Profesionalisme Guru kurang dikaji di Malaysia. Justeru, penyelidik hanya menggunakan model yang diadaptasi daripada pengkaji terdahulu.

Oleh itu, *Professional Learning Community*, Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru yang dikaji hanya terbatas melalui persepsi yang diberikan oleh guru-guru melalui soal selidik. Terdapat juga kemungkinan dapatan yang lebih baik



daripada persepsi kumpulan guru lain secara khusus di sekolah yang tidak dimasukkan dalam perbincangan kajian ini.




Kerangka SGM

Rajah 1.3. Model Standard Guru Malaysia (2009)

Hasil daripada literatur review yang telah dibaca, dapatlah dirumuskan bahawa seseorang guru perlu melaksanakan *Professional Learning Community* bagi meningkatkan efikasi sendiri mereka serta memenuhi profesionalisme guru untuk meningkatkan kualiti guru dan kualiti pendidikan secara keseluruhannya. *Professional Learning Community* harus menjadi amalan di seluruh sekolah di Malaysia dalam menghadapi cabaran melangkaui kehidupan selepas tahun 2020. Seseorang guru harus memiliki bakat, kemahiran dan kreativiti dalam memperkasakan pengajaran dan pembelajaran untuk menjadikan PdPc mengikut kehendak pelajar pada zaman kini.

Guru sentiasa berhadapan dengan cabaran dalam bidang pendidikan yang semakin kompleks. Memandangkan pengajaran dan pembelajaran sentiasa harus diperbaiki dari semasa ke semasa, guru harus sentiasa mencuba pelbagai kaedah baharu bagi meningkatkan efikasi sendiri guru kerana semua guru perlu berinteraksi antara satu sama lain.

Oleh sebab itu, kajian pengaruh *Professional Learning Community* terhadap efikasi sendiri guru dan profesionalisme guru (berlandaskan teori *PLC*, teori efikasi sendiri guru dan model standard guru Malaysia) amat bersesuaian untuk dilaksanakan. Berpandukan teori-teori dan literatur mengenai *PLC*, satu kerangka teori kajian yang menggabungkan pembolehubah-pembolehubah antara amalan *PLC*, Efikasi Kendiri dan Profesionalisme Guru seperti dalam Rajah 1.4 dicadangkan.



Rajah 1.4. Kerangka Teoritikal Kajian




1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian bermaksud satu bentuk kerangka konsep yang dibina bagi kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.5. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh *Professional Learning Community* terhadap efikasi sendiri guru dan profesionalisme guru sekolah menengah di Negeri Selangor. Kerangka konseptual kajian ini dibentuk berdasarkan kajian-kajian yang lepas dengan mengambil kira tinjauan literatur, model, dan teori. Kerangka konseptual dalam konteks kajian ini diadaptasi dan diubahsuai daripada gabungan antara teori *PLC* yang dikemukakan oleh Zuraidah Abdullah (2016) berdasarkan penyelidikan *Professional Learning Community (PLC)* yang dikemukakan oleh Model *PLC* (Hord, 1997), Model *PLCA* Hipp dan Huffman (2003). Teori Efikasi Kendiri Guru oleh Tschannen-Moran dan Hoy (1998, 2001) yang telah diubahsuai oleh Shafinaz A. Maulod (2017). Model Standard Guru Malaysia 2009 telah digunakan oleh penyelidik untuk mengukur profesionalisme guru. Ini membuktikan bahawa teori-teori dan model yang digunakan masih lagi relevan untuk abad ke 21 walaupun terdapat teori-teori dan model-model lain. Teori yang digunakan oleh Zuraidah Abdullah (2016) dipilih adalah kerana lebih terarah kepada *Professional Learning Community* berdasarkan pendidikan di Malaysia. *PLC* yang digunakan ini menekankan kepada pengajaran dan penyampaian guru dalam mengetengahkan bakat, kemahiran dan kreativiti (Zuraidah Abdullah 2016).

Rasional pemilihan teori Zuraidah Abdullah kerana model tersebut meletakkan komitmen dan sokongan pengetua sebagai dimensi yang pertama dalam justifikasi tentang *PLC*. Tambahan pula model ini mengutamakan perkongsian personal, norma dan visi bersama, pembelajaran kolaboratif dan sokongan berstruktur. Ini kerana kajian



ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh *Professional Learning Community* (pemboleh ubah bebas) terhadap efikasi sendiri guru (pemboleh ubah bersandar) dan profesionalisme guru (pemboleh ubah bersandar) berdasarkan tiga elemen yang dinyatakan.



Rajah 1.5. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Definisi Operasional

Definisi Operasional dimaksudkan untuk mengkaji pengaruh *Professional Learning Community* terhadap efikasi sendiri guru dan profesionalisme guru. Dalam bahagian ini, definisi-definisi operasional yang perlu dijelaskan dalam kajian ini, iaitu:

1.9.1 *Professional Learning Community (PLC)*

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan mengikut pandangan pengkaji dan penulis. Namun untuk tujuan kajian ini, definisi yang diberikan oleh Zuraidah Abdullah (2016) yang diubahsuai daripada Hipp and Huffman (2003) telah diguna pakai iaitu *Professional Learning Community (PLC)* ditakrifkan sebagai guru-guru yang menggalakkan dan mewujudkan nilai-nilai pembelajaran yang melalui satu proses kolaboratif. Guru-guru ini akan saling pengaruh-mempengaruhi antara satu sama lain dan menentukan pembelajaran dalam kalangan guru berlaku secara berterusan dapat meningkatkan prestasi murid-murid di sekolah.

1.9.2 **Efikasi Kendiri Guru**

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan mengikut pandangan pengkaji dan penulis. Walau bagaimanapun untuk kajian ini, definisi yang diberikan oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001) yang diubahsuai oleh Shafinaz A. Maulod (2017) telah diguna pakai iaitu Efikasi Kendiri Guru (EKG) ditakrif sebagai kepercayaan seseorang guru berkaitan keupayaan diri untuk menyusun atur dan melaksanakan satu siri tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan satu tugas pengajaran dalam konteks yang lebih spesifik di sekolah. Efikasi sendiri guru juga merujuk kepada keyakinan guru dengan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dimiliki untuk mencapai sesuatu matlamat. Tiga faktor yang dikemukakan bagi mewakili efikasi sendiri guru iaitu efikasi terhadap strategi pengajaran, efikasi terhadap pengurusan bilik darjah dan akhirnya efikasi terhadap penglibatan pelajar.



1.9.3 Pembangunan Profesionalisme Guru

Pembangunan Profesionalisme Guru merupakan sarana penyediaan latihan secara formal dan informal untuk menambahbaik kompetensi guru (Joyce & Shower 2008). Seterusnya Fullan et. al., (2006) menyatakan bahawa pembangunan profesionalisme guru pula merujuk kepada pembelajaran harian guru secara individu dan kolaboratif yang berterusan dan berfokus. Selain itu, Mohammed Sani (2000) pula menyatakan pembangunan profesionalisme guru merupakan proses yang terdiri daripada pelbagai aktiviti yang membantu guru belajar dan memperkembangkan diri masing-masing untuk menjadi individu efektif dan menjadi kumpulan efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mengurus proses persekolahan dan membantu pihak sekolah secara keseluruhan supaya menjadi efektif bagi menghadapi persekitaran pendidikan yang sentiasa mengalami perubahan yang dinamik.



1.9.4 Guru

Menurut KPM (2002), guru adalah seorang yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dan telah mendapat latihan ikhtisas dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sama ada di Institut Pendidikan Guru (IPG) atau di Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Guru dalam kajian ini adalah guru yang mengajar di sekolah menengah di negeri Selangor. Seramai 400 orang responden dari kalangan guru-guru yang mengajar di negeri Selangor yang terdiri daripada sepuluh buah daerah yang terdapat di negeri Selangor yang akan dijelaskan. Bilangan ini adalah mencukupi bagi mewakili populasi dan memenuhi keperluan





analisis kajian seperti yang disarankan oleh Hair et. al., (2019), Chua (2014) dan Pallant (2011).

1.9.5 Sekolah Menengah

Menurut Kamus Dewan (2010), sekolah menengah bermaksud sekolah lanjutan daripada pendidikan awal untuk kanak-kanak. Mengikut sistem pendidikan di Malaysia, kanak-kanak yang berumur 13 hingga 17 tahun diwajibkan mula mendapat pendidikan menengah selama lima tahun di sekolah menengah iaitu di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan atau Sekolah Menengah Berasrama Penuh atau Sekolah Menengah Agama atau Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional atau Sekolah Model Khas.



1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian saya dikenal pasti dan dijadikan landasan untuk diketengahkan dan hanya terhad kepada responden dalam Negeri Selangor sahaja. Memandangkan kajian ini dijalankan dalam masa dan perbelanjaan yang terhad, maka hanya 400 responden sahaja dipilih secara rawak berstrata menyertai kajian ini. Pemilihan negeri ini dilakukan sebagai lokasi kajian atas dasar bahawa semua guru yang terlibat dalam kajian ini mempunyai persamaan dalam aspek kelulusan profesional perguruan dari segi falsafah dan kurikulum, keseragaman sistem pendidikan yang mempunyai polisi dan dasar yang serupa, pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum serta memperoleh





peruntukan kewangan dalam jumlah yang hampir sama. Namun demikian, guru pelatih dan guru sandaran tidak terlibat.

Maklumat yang diperolehi juga mungkin tidak dapat menjawab persoalan dan memberi gambaran sepenuhnya terhadap permasalahan yang dikaji. Ketepatan hasil kajian juga bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik yang diberikan. Sekiranya responden tidak menjawab secara tepat atau jujur, ini boleh membuat keputusan kaji selidik kurang tepat. Satu lagi batasan yang mungkin berlaku jika responden tidak dapat mengingat maklumat tertentu yang berkaitan dengan latar belakang mereka semasa menjawab borang soal selidik.



Kajian ini terbatas kepada mengkaji pengaruh *PLC* yang diamalkan oleh 30 buah sekolah daripada 278 buah sekolah-sekolah menengah di Negeri Selangor disebabkan pandemic COVID-19. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di setiap daerah hanya membenarkan tiga buah sekolah sahaja yang dilibatkan dalam kajian ini bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Kajian ini dilaksanakan dengan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Oleh itu, sebagai penyelidik haruslah akur dengan SOP yang telah ditetapkan. Kajian ini tidak melibatkan semua kategori sekolah, sebaliknya hanya melibatkan 5 kategori sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Menengah Teknik/Vokasional dan Sekolah Model Khas. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Agama Islam, Sekolah Mubaligh, Sekolah Kluster, Sekolah Wawasan, Sekolah Premier, Sekolah Sukan



Sekolah Seni ataupun Maktab Rendah Sains (MRSM) tidak dimasukkan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini hanya merujuk kepada guru-guru di Negeri Selangor sahaja. Ia boleh dan sesuai untuk digeneralisasikan berdasarkan situasi dan keadaan sekolah di Malaysia yang hampir sama antara satu sama lain. Kajian ini hanya bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh *PLC* terhadap efikasi sendiri dan profesionalisme guru-guru di sekolah-sekolah kajian.

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk menunjukkan model amalan Professional Learning Community (*PLC*) dapat memberi impak untuk meningkatkan Pembangunan Profesionalisme Guru dan merupakan satu strategi ke arah pembangunan profesionalisme berterusan bagi meningkatkan kualiti guru dan kualiti pendidikan secara keseluruhannya. Melalui *PLC*, guru-guru dapat berinteraksi dan bekerja secara kolaboratif dalam menghasilkan PdPc yang kreatif dan berkesan sekaligus dapat meningkatkan efikasi sendiri bagi membantu mereka lebih bersemangat dalam melaksanakan PdPc dan menghasilkan pelajar yang cemerlang. *PLC* dipercayai dapat meningkatkan efikasi sendiri dan merupakan salah satu daripada pembangunan profesionalisme guru yang boleh dijadikan amalan. Ahli *PLC* bukan sahaja terdiri daripada guru dan barisan pentadbir, malah menurut Hipp dan Huffman (2003), keahlian *PLC* ini boleh dibahagikan kepada empat kumpulan, iaitu i) ahli profesional yang terdiri daripada guru, pentadbir dan pekerja sokongan, ii) ahli bukan profesional terdiri daripada ibu bapa/penjaga dan agensi kerajaan, iii) profesional luar terdiri daripada ahli akademik universiti, iv) ahli golongan bukan profesional luar yang terdiri daripada agensi swasta.



Kepentingan kajian ini adalah untuk menambahkan pengetahuan kepada dunia pendidikan betapa pentingnya peranan kepemimpinan pengetua dalam usaha membangunkan budaya *Professional Learning Community (PLC)* dalam kalangan guru dan pentadbir sekolah. Seseorang pengetua harus berperanan untuk membangunkan profesionalisme guru di bawah pimpinannya. Membangunkan Profesionalisme guru merupakan salah satu tugas utama pengetua yang harus diberikan perhatian dan *Professional Learning Community (PLC)* dapat membangunkan efikasi sendiri guru. Diharapkan dengan kajian ini dapat membantu meningkatkan kesedaran pengetua untuk mengutamakan pembelajaran murid melalui pembelajaran bersama guru-guru secara profesional dan berterusan bagi memastikan penambahbaikan pembelajaran dan pencapaian murid yang berterusan. Pengetua haruslah memberikan komitmen dan sokongan yang sepenuhnya kepada guru-guru untuk menjadikan *PLC* sebagai budaya yang menjadi amalan sekolah sama ada yang baharu dibentuk atau diwarisi oleh warga sekolah itu sendiri. *PLC* akhirnya nanti akan menyiapkan setiap ahlinya bersedia melestarikan *PLC* untuk membina budaya sekolah baharu selari dengan norma dan visi bersama.

Diharapkan dapatan kajian ini dijadikan panduan dan contoh untuk diterima atau diubahsuaikannya dalam konteks sekolah oleh pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Pendidikan Guru untuk memasukkan pembangunan profesionalisme guru dan pelaksanaan *Professional Learning Community (PLC)* dalam kandungan latihan mereka. Ini kerana ilmu sentiasa berubah mengikut zaman. Apa yang guru peroleh semasa menjalani latihan dahulu belum tentu sesuai pada masa sekarang. Oleh itu, *PLC* yang masih dianggap baharu ini haruslah dilengkapkan dalam kandungan latihan mereka selaras dengan zaman. KPM harus



memainkan peranan dalam merealisasikan hasrat PPPM (2013 -2025) dengan memikirkan cara terbaik untuk guru melaksanakan *PLC* di organisasi mereka.

Harapan yang tinggi diletakkan agar kajian ini dapat memberikan pengetahuan serta kesedaran kepada semua pihak untuk membudaya *Professional Learning Community (PLC)* dalam kalangan seluruh komuniti di sekolah yang dilihat oleh banyak pengkaji sebagai sangat penting untuk membantu guru-guru mewujudkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Melalui *PLC*, guru akan sentiasa belajar dan meningkatkan profesionalisme diri mereka untuk mempunyai fokus yang jelas dan dapat menggunakan pendekatan yang lebih baik dalam menyediakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang berbeza mengikut murid. Melalui *PLC* juga akan dapat membentuk kejeleketan dalam kalangan mereka bagi melahirkan guru-guru yang berprestasi tinggi. Aspirasi ini tidak akan tercapai sekiranya berlaku kepincangan pada salah satu daripada empat dimensi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2016-2025) iaitu pembelajaran guru, penyediaan sumber-sumber yang boleh meningkatkan mutu perhubungan sosial dan kemanusiaan, pengurusan sumber-sumber struktur sekolah, dan kewujudan interaksi antara sekolah dengan pihak luar.

1.12 Rumusan


Tinjauan literatur telah menunjukkan bahawa amalan *Professional Learning Community* di sekolah adalah berbeza mengikut saiz sekolah, tahap guru, tahap geografikal dan demografi guru. Oleh itu, kajian ini diharapkan akan menambahkan satu lagi literatur kajian yang ada dalam usaha untuk membudayakan sekolah semula sebagai *Professional Learning Community* yang berkesan.



Bab ini telah memperkenalkan konteks kajian secara menyeluruh, yang mana merangkumi latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori, kerangka konseptual, definisi operasional, batasan kajian dan kepentingan kajian. Secara ringkas, gambaran keseluruhan kajian ini adalah sepertimana yang dipamerkan dalam Rajah 1.6.



1.13 Ringkasan Pelaksanaan Kajian



Rajah 1.6. Ringkasan Pelaksanaan Kajian